



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29
(b) Taraf Jawatan : *CONTRACT FOR SERVICE (CFS)*
(c) Kementerian / Jabatan : PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2. Gaji Minima Yang Ditawarkan : RM 2,253.00/ sebulan
3. Syarat Lantikan Wajib : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (d) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (e) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (f) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
5. Syarat Tambahan :
 - (a) Mempunyai pengalaman dalam komunikasi korporat, mereka bentuk poster, slaid, banner, video dan tugas-tugas berkaitan;
 - (b) Mempunyai pengetahuan dan mahir menggunakan perisian *Microsoft Office* dan lain-lain perisian grafik seperti *Canva, Adobe Photoshop* dan pengeditan video; dan
 - (c) Keutamaan kepada calon lelaki.
6. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan latihan, perolehan bekalan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, pengurusan mesyuarat dan Penguatkuasaan Undang-undang.
7. Kemudahan :
 - (a) Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat .
 - (b) Caruman KWSP dan caruman PERKESO;

8. Cara Memohon

: (a) Pemohon hendaklah memastikan semua salinan dokumen diakui sah dan menghantar dokumen – dokumen dibawah **MENGIKUT SUSUNAN** berikut:

- i. Resume Calon (berserta gambar berukuran passport);
- ii. Salinan Kad Pengenalan;
- iii. Salinan Sijil Kelahiran;
- iv. Salinan Sijil Tamat Persekolahan;
- v. Salinan STPM / STAM / SPM / PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- vi. Salinan Diploma / Ijazah berserta transkrip (sekiranya ada);
- vii. Pengiktirafan kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil daripada JPA / MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS); dan
- viii. Lain-lain dokumen sokongan.

(b) Ke alamat:

**Unit Khidmat Pengurusan (Sumber Manusia),
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II,
Blok 3547, Persiaran APEC,
63000 Cyberjaya,
SELANGOR**

- (c) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Surat Pengesahan Perkhidmatan yang terkini.
- (d) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (e) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (f) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

9. Tarikh Tutup Permohonan : 24 November 2023 (Jumaat) jam 3.00 petang



(NURUL AINI BINTI SURIP)
Ketua Unit Khidmat Pengurusan
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 10 November 2023

